

**Norhasnira binti Ibrahim\***

**KITAB TAFSIR AL-QURAN DI ALAM MELAYU:  
 KAJIAN TERHADAP KITAB *TAFSIR NUR AL-IHSAN*  
 KARANGAN HAJI MUHAMMAD SA'ID BIN UMAR**

**Abstract**

Tafsir Nur al-Ihsan in Jawi script was written in 1927 by Haji Muhammad Sa'id bin Umar, a wellknown Malay scholar from Kedah, Malaysia. This article explores the author's expertise in development of Quranic interpretation writing in Malay-Archipelago and writing methodology that had been used by the author in kitab Tafsir Nur al-Ihsan. Information about it was gathered using qualitative method. Research result shows this kitab was the most comprehensive 30 juzu' Quranic Interpretation. The author had used tafsir ijmal method and based on mushaf structure that contained an explanation about asbabun nuzul, ayat ahkam, huruf muqatta'ah and Israiliyyat stories. The interpretations presented in this kitab is simple, moderate and yet very much suitable and relevant that is being used until today in Quranic Interpretation studies in mosques in Malaysia, mainly in the northern of Peninsular Malaysia.

*Keywords: Malay-Quranic Interpretation, Tafsir Nur al-Ihsan, Malay Scholar  
 Haji Muhammad Sa'id bin Umar*

---

\* Pensyarah di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

## BIOGRAFI PENGARANG KITAB

Kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* ini dikarang oleh Ustaz Muhammad Sa'id bin Umar yang telah dilahirkan di Kampung Kuar, Jerlun, Kedah pada tahun 1275H bersamaan 1857M. Beliau mendapat pendidikan awal di Kedah daripada bapanya, seorang khatib yang dikenali sebagai Umar Khatib dan seterusnya menuntut ilmu di Pattani dan menyambung ke Makkah. Setelah pulang ke Kedah, beliau berpindah ke Changkat Kerian, Perak dan mengasaskan sebuah sekolah pondok dan berperanan sebagai seorang tenaga pengajar di situ.<sup>1</sup> Beliau kemudiannya kembali semula ke Kedah dan berkhidmat sebagai pengajar kuliah di masjid-masjid, ditugaskan untuk mengajar ilmu agama kepada kerabat Diraja Kedah dan memegang jawatan sebagai 'Guru Diraja'. Beliau diberi gelaran 'Haji Sa'id Mufti' dan sering menjadi rujukan utama bagi masyarakat setempat mengenai permasalahan agama dan jawatan terakhir yang dipegang oleh beliau ialah sebagai seorang kadi di Daerah Jitra, Kedah.

Beliau telah meninggal dunia pada Rabu 22 Zulkaedah 1350H iaitu 19 Mac 1932M ketika berusia 75 tahun kerana penyakit lemah di sebelah badannya dan jenazahnya telah disemadikan di kawasan Masjid Alor Merah, Alor Setar, Kedah. Beliau telah mengarang dua buah karya iaitu kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* dan juga *Fatwa Kedah* yang ditulis semasa berkhidmat sebagai kadi yang memuatkan fatwa-fatwa mengenai hukum nikah cerai. Walaubagaimanapun, kitab *Fatwa Kedah* tersebut masih berada didalam simpanan kerajaan negeri Kedah dan tidak pernah dicetak sehinggalah ke hari ini.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> "Tuan Haji Muhammad Said Umar: Tokoh *Mufassir* Tanah Melayu", capaian pada 10 September, 2013, <http://www.wordpress.com>. Lihat juga "Muhammad Sa'id Umar Kedah" capaian pada 12 September 2013, <http://ulama.blogspot.com/muhammad-said-umar-kedah.html>.

<sup>2</sup> Muhammad Ismi bin Mat Taib. 2003. "*Israiliyyat Dalam Tafsir: Kajian Terhadap Kitab Tafsir Nur al-Ihsan Karya Haji Muhammad Said bin Umar*" (Disertasi M.A., Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). h.57, 58.

## LATAR BELAKANG KITAB

Kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* merupakan salah satu karya terjemahan dan tafsir bertulisan jawi karangan ulama' Melayu zaman klasik yang terawal dihasilkan di Tanah Melayu pada abad ke-20M.<sup>3</sup> Beliau mula mengarangnya pada bulan Zulhijjah 1344H bersamaan Januari 1925M, iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibn al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1882-1942M). Penulisan kitab tafsir ini memakan masa selama dua tahun sembilan bulan untuk disiapkan dan ia telah diselesaikan pada hari Rabu, 1 Rabiul Akhir 1346H iaitu 1 Oktober 1927M.<sup>4</sup>

Kitab ini mula dicetak pada tahun 1934M<sup>5</sup> dan tiga buah syarikat percetakan yang dikenalpasti pernah mencetaknya ialah Persama Press yang terletak di Achen Street, Pulau Pinang yang telah mencetaknya buat kali ketiga pada tahun 1375H/1955M. Selepas itu, kitab ini dicetak oleh *Maktabah wa Matba'ah Dar al-Ma'arif*, Sungai Penang Road di Pulau Pinang pada tahun 1391H/1971M, dan dalam tahun yang sama ia juga telah dicetak buat kali ketiga oleh syarikat *Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa Awladuh* yang terletak di Bangkok, Thailand. Kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* ini agak sukar untuk diperolehi di pasaran dan ia hanya dijual di kedai-kedai buku yang terletak di bandar-bandar besar sahaja. Kebanyakan kitab yang berada di pasaran pada hari ini ialah yang dicetak oleh *Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa Awladuh*, Bangkok dengan ukuran saiz 26.5cm x 20cm.

---

<sup>3</sup> Norhasnira binti Ibrahim. 2009. "Hadith Dalam Kitab Jawi: Tumpuan Terhadap Kitab Minhah al-Qarib Karangan Tuan Tabal" (Disertasi M.A., Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya) h. 30.

<sup>4</sup> Muhammad Sa'id bin Umar. 1951. *Tafsir Nur al-Ihsan*, j.4. Bangkok: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa Awladuh. h. 311.

<sup>5</sup> Muhammad Ismi bin Mat Taib *op.cit.* h. 61.

## FAKTOR PENULISAN

Faktor utama yang telah mendorong kemunculan kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* ini adalah kerana bagi meraikan tuntutan masyarakat di sekeliling beliau. Berdasarkan penulisan pengarang, kitab tafsir ini dihasilkan untuk memenuhi permintaan para sahabatnya yang telah meminta agar beliau menghasilkan karya tafsir dalam versi bahasa Melayu Kedah. Ini adalah supaya mereka mudah memahami isi kandungan al-Quran yang mengandungi segala suruhan dan tegahan Allah SWT. Ini dapat dilihat pada tulisan beliau yang berbunyi :

*“Adapun kemudian daripada itu maka sungguh telah pinta pada hamba oleh setengah ikhwan yang mulia-mulia bahawa hamba surat bagi mereka itu dengan bahasa Melayu Kedah akan Quran supaya dapat mereka itu akan suruhanNya dan tegahNya dengan tiada bergoyang-goyang hati mereka itu pada taat dan iman ... maka hamba perkenan akan dia dan jika tiada hamba ahli bagi demikian itu sekalipun kerana keredhaan Tuhan al-Rahman dan menyuka bagi hati ikhwan”..*<sup>6</sup>

Di samping itu, beliau juga telah mendapat dorongan dan sokongan yang padu daripada Tengku Mahmud yang merupakan salah seorang kerabat diraja Kedah agar menulis kitab tafsir ini.<sup>7</sup>

## METODOLOGI PENYUSUNAN KITAB

Kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* merupakan salah satu daripada karya tafsir di bawah kategori kitab tafsir lengkap 30 juzu<sup>8</sup> sepertimana *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-*

<sup>6</sup> Muhammad Sa'id bin Umar. 1971. *Tafsir Nur al-Ihsan*, j.1. Pulau Pinang: Maktabah wa Matba'ah Dar al-Ma'arif. h. 2.

<sup>7</sup> “Tuan Haji Muhammad Said Umar: *Tokoh Mufassir Tanah Melayu*”, capaian pada 10 September, 2012, <http://www.wordpress.com>.

<sup>8</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah. 2000. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, j.1, Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah. h. 38.

*Qur'an* karangan Syaykh Abdullah Basmeih dan kitab *Khulasah al-Qur'an* oleh Maulana Abdullah Awang Nuh. Kitab tafsir ini terdiri daripada empat jilid dan kandungannya adalah :

### **JILID PERTAMA:**

Dalam jilid yang pertama, pengarang memulakan penulisannya dengan lafaz basmallah serta puji-pujian bagi Allah dan Nabi Muhammad SAW. Bahagian ini merupakan ruangan pendahuluan dan beliau telah menjelaskan faktor dan sebab yang mendorongnya untuk menghasilkan kitab tafsir ini. Sebagai penutup, beliau mendatangkan nama kitab-kitab tafsir berbahasa Arab yang telah dijadikan rujukan di sepanjang tempoh penulisannya iaitu *Tafsir al-Jalalayn*, *Tafsir al-Baydawi*, *Tafsir al-Jamal* dan kitab-kitab tafsir yang lain.

Seterusnya, beliau menulis satu muqaddimah yang memuatkan pengertian Islam, iman dan disusuli dengan penjelasan ringkas mengenai lima rukun Islam dan enam rukun iman.<sup>9</sup> Beliau kemudiannya menulis penerangan mengenai ibadat solat, syarat solat iaitu suci daripada hadas besar dan kecil dan juga huraian mengenai fardhu wudhu, rukun wudhu', cara-cara berwudhu dan 13 rukun solat. Setelah berakhirnya bahagian muqaddimah tersebut, beliau terus memulakan pentafsiran bagi surah *al-Fatihah*, *al-Baqarah*, *Ali 'Imran*, *al-Nisa'* dan berakhir dengan surah *al-Maidah* dan jumlah halaman bagi jilid ini adalah sebanyak 253 halaman.<sup>10</sup>

### **JILID KEDUA :**

Jilid kedua adalah sebanyak 351 halaman, terdapat 12 surah yang ditafsirkan iaitu dimulai dengan surah *al-An'am* sehinggalah kepada surah *al-Isra'*.<sup>11</sup>

### **JILID KETIGA :**

---

<sup>9</sup> Muhammad Sa'id bin Umar. 1971. *op.cit*, j.1, h. 2- 3.

<sup>10</sup> *Ibid.*, j.1, h. 253.

<sup>11</sup> *Ibid.*, j.2, h. 351.

Pentafsiran ayat-ayat al-Quran diteruskan mulai surah *al-Kahfi* dan diakhiri dengan surah *al-Zumar* dan jumlah halamannya adalah 359 halaman.<sup>12</sup>

#### **JILID KEEMPAT :**

Manakala bagi jilid terakhir ini pula, surah-surah yang dimuatkan dimulai dengan surah *Ghafir* sehinggalah *al-Nas* yang berjumlah setebal 313 halaman. Pengarang mengakhiri penulisan kitab tafsir ini dengan menulis bahagian *khatimah* yang mengandungi maklumat mengenai pegangan akidahnya dan tarikh bermula dan berakhirnya penulisan kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* ini. Beliau juga dengan penuh rasa rendah diri memohon kerjasama daripada semua pihak agar memperbetulkan kesilapan dan kekurangan yang terdapat dalam kitab tafsirnya.<sup>13</sup>

#### **METODOLOGI PENULISAN KITAB**

Pengarang telah menulis kitab ini dengan menggunakan tulisan Jawi sepenuhnya dan adakalanya diselangi dengan kalimah-kalimah bahasa Arab yang akan disusuli pula dengan maksudnya dalam bahasa Melayu. Walaubagaimanapun, tiada sebarang tanda baca atau kurungan yang dibuat bagi membezakan di antara perkataan bahasa Melayu dan bahasa Arab, contohnya :

<sup>14</sup> لا نفرق بين أحد منهم تيادا كامى فارق انتارا سؤرخ درفد مر كئيت ...  
 وإن كانت لكبيرة دان بهواست اداله اي برفالينغ قبلة ايت ساعة بسر مشقة  
 فايه أئس مأنسي ...<sup>15</sup>

Dengan ini, para pembaca mestilah mempunyai asas bahasa Arab dalam proses mempelajari kitab tafsir ini. Jika diteliti, pengarang sebenarnya telah memudahkan para pembaca

<sup>12</sup> *Ibid.*, j.3, h. 359.

<sup>13</sup> *Ibid.*, j.4, h. 313.

<sup>14</sup> *Ibid.* j.1, h.42.

<sup>15</sup> *Ibid.* j.1, h.45.

kerana menyertakan terjemahan bahasa Melayu bagi setiap kalimah bahasa Arab. Selain daripada itu, dalam masa yang sama juga pembaca boleh mengambil faedah untuk memperkayakan lagi perbendaharaan kata dalam bahasa Arab. Penggunaan bahasa dan ejaan dalam kitab ini adalah dalam bahasa Melayu Kedah lama dan ada yang tidak dapat difahami oleh generasi sekarang. Ini adalah kerana kitab ini dihasilkan sewaktu tahap pembinaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu masih di tahap permulaan dan kuat dipengaruhi oleh gaya bahasa Melayu lama, contohnya seperti *hambat keluar*,<sup>16</sup> *tiada sayugia*,<sup>17</sup> *menyengehaja*<sup>18</sup> dan lain-lain.

Bagi setiap permulaan sesebuah surah, ianya akan dinyatakan sama ada ia adalah surah Makki atau Madani, bilangan ayat-ayatnya serta penerangan mengenai sebab penamaan surah tersebut. Ayat-ayat al-Quran akan dimasukkan ke dalam kurungan dan pengarang akan meletakkan tajuk-tajuk bagi sesuatu kisah ataupun kejadian sebelum didatangkan ayat al-Quran mengenainya, contohnya

(قصة امبيل ايكن هاري سبت) (قصة فحه ضيضي ني):

## METODOLOGI PENTAFSIRAN AYAT AL-QURAN

Ayat-ayat al-Quran dalam kitab tafsir ini ditafsirkan mengikut kaedah *ijmali* dengan huraian yang ringkas, sederhana dan sekadar boleh difahami maksudnya. Ini semua dilakukan bertujuan untuk mengambilkira tahap pencapaian ilmu di kalangan masyarakat pada ketika itu yang rata-ratanya kurang terdedah kepada bidang ilmu tafsir dan masih ramai lagi yang kurang mahir dalam ilmu bahasa Arab.

Kenyataan ini boleh dirujuk kembali kepada permintaan masyarakat setempat agar pengarang menulis kitab tafsir

---

<sup>16</sup> *Ibid.*, j.1, h.43.

<sup>17</sup> *Ibid.*, j.1, h.123.

<sup>18</sup> *Ibid.*, j.1, h.209.

berbahasa Melayu untuk memudahkan pemahaman mereka. Pengarang telah menggabungkan dua bentuk pentafsiran iaitu tafsir *bi al-ma'thur* dan juga *bi al-ra'yi*. Di samping itu juga, dalam menghuraikan maksud ayat, pengarang tidak memperluaskan perbincangan mengenai perbezaan pendapat di kalangan ulama'-ulama' tafsir.

## PENGGUNAAN AYAT AL-QURAN

Pengarang hanya menyertakan sedikit sahaja ayat-ayat daripada surah yang lain semasa mentafsirkan dan membincangkan sesuatu ayat. Ayat-ayat sampingan tersebut ditafsirkan dengan ringkas dan tidak dijelaskan dengan terperinci serta dibawa sekadar sebagai penyokong kepada ayat yang dibincangkan. Contoh :

قل ءأنتم أعلم أم الله كات اوليهمو يا محمد باضي مريكتيت اداكه كامو ايت  
 ترليه كتهوي اتو الله ترليه كتهوي درفد كامو دان سغضوهث تله لفس  
 درفد كدوات اوليه نبي ابراهيم دغن فرمانث ما كان ابراهيم يهوديا ولا  
 نصرانيا تباد اد نبي ابراهيم ايت يهودي دان تباد نصارى ...<sup>19</sup>

## PEMAKAIAN HADITH

Terdapat banyak potongan hadith yang dimuatkan dalam kitab tafsir ini, namun hadith-hadith yang dibawa itu langsung tidak bersanad dan hanya disandarkan terus kepada Rasulullah SAW ataupun kepada para sahabat. Matan hadith pula adalah dalam bahasa Melayu sepenuhnya tanpa disebut matan asalnya dalam bahasa Arab. Selanjutnya, pengarang menyatakan sumber ambilan sesetengah hadith tanpa dinyatakan statusnya sama ada sahih, hasan ataupun da'if. Semasa mendatangkan sesebuah hadith, pengarang tidak menyelaraskannya dalam satu bentuk sahaja, malah terdapat kepelbagaian padanya. Contoh :

---

<sup>19</sup> *Ibid.*, j.1, h.43.



Disandarkan terus kepada Rasulullah SAW

سبدا نبی صلی اللہ علیہ وسلم بارغسیاف بری تغضوه اورغ فاف اتو  
ضوضور درفدث نسخای مناوغ اللہ تعالیٰ اکندی فد ناوغن فد ہاری یغ  
تیاد ناوغ ملینکن ناوغث<sup>20</sup>

Disandarkan terus kepada Rasulullah SAW

کات علی رضی اللہ عنہ سبدا نبی ﷺ تتکل مشورہ اللہ تعالیٰ بہوا دتورن  
فاتحة ...<sup>21</sup>

Dinyatakan takhrij hadith

روایة شیخان حدیث بہوا عیسیٰ لاضی اکن تورون کبومی ...<sup>22</sup>

Terjemahan hadith tanpa sanad, matan asalnya dan darjatnya

سفرت داتغ فد حدیث مک فینتأ ایت مغاکو دغن نعمة اللہ تعالیٰ ...<sup>23</sup>

## **PENJELASAN *ASBABUN NUZUL* AYAT**

Bagi ayat-ayat yang mempunyai sebab penurunannya, pengarang menyertakan penerangan mengenai *asbab al-nuzulnya* tanpa mendatangkan sanad dan terus disandarkan kepada Rasulullah SAW. Contoh :

---

<sup>20</sup> *Ibid.*, j.1, h.97.

<sup>21</sup> *Ibid.*, j.1, h.108.

<sup>22</sup> *Ibid.*, j.1, h.118.

<sup>23</sup> *Ibid.*, j.1, h.101.

## سورة الاخلاص مكية

امفة اتو ليم ايات مك تورن ايات اين تتكل دتاث رسول الله ﷺ درفد  
توهنت روبا سوال اف صفة توهن اغكو؟ اداكه اي درفد تمباض اتو درفد  
24  
امس ...

### KISAH-KISAH ISRAILIIYYAT

Terdapat banyak kisah Israiliyyat yang disadurkan ke dalam kitab tafsir ini<sup>25</sup> seperti kisah Harut dan Marut, Nabi Daud, Nabi Sulaiman, bahtera Nabi Nuh dan sebagainya. Selepas dinyatakan kisah-kisah tersebut, pengarang tidak menjelaskan bahawa ia adalah kisah Israiliyyat dan langsung tidak memberi ulasan terhadapnya seperti yang terdapat dalam kisah Nabi Daud:

...امبيل داود دان مغهنتر اي اكن تيض حجر ايت فد مقلاعت تريبيل دلونتر  
فد جالوت كنا بيضه اتس كفلا تمبوس اوتق كفالا كلوار تغكوث ...<sup>26</sup>

### AYAT-AYAT HUKUM

Dalam membicarakan mengenai isu-isu berkaitan hukum, pengarang akan mengupasnya dengan penjelasan yang lebih panjang berbanding dengan ayat-ayat biasa. Walaubagaimanapun, beliau tidak membawa pendapat mana-mana imam mazhab yang empat mengenai hukum tersebut, tetapi sekadar dinyatakan secara umum sahaja. Contoh:

---

<sup>24</sup> *Ibid.*, j.4, h. 307.

<sup>25</sup> Muhammad Ismi bin Mat Taib. 2003. *op.cit.*

<sup>26</sup> Muhammad Sa'id bin Umar. 1971. *op.cit.* j.1, h.85.

ولا تقربوهن حتى يطهرن دان جاغن كامو همفیر اكن مركئیت دغن جماع  
هغض سونحي مریكئیت دغن مندي جنوب كمودین درفد فوستث مك  
حرام جماع دالم حیض دان دهولو درفد مندي جنوب...<sup>27</sup>

### **HURUF MUQATTA'AH**

Mengenai perbahasan di sekitar huruf-huruf *muqatta'ah* pula, pengarang langsung tidak membuat sebarang takwilan bagi huruf-huruf tersebut dan menyerahkannya kepada Allah SWT seperti:

بسم الله الرحمن الرحيم (طه) الله تعالى ترلیبه کتهوي دغن دمکین ایت ...

### **AYAT-AYAT MUTASYABIHAT**

Bagi ayat-ayat *mutasyabihat*, pengarang hanya sekadar mentafsirkannya secara ringkas sahaja dan disertakan pendapat para ulama' salaf dan khalaf secara umum tanpa sebarang perincian, contohnya:

الرحمن على العرش استوی ایاله توهن الرحمن ایت ائس عرش برسمآن تمفت  
دودوق راج این جالن سلف مك جالن خلف معنا استوی ایت ممرینته...<sup>28</sup>

### **ILMU QIRA'AT**

Ustaz Muhammad Sa'id langsung tidak membahaskan mengenai perbezaan qira'at bagi sesuatu ayat, apatah lagi menyentuh perihal *qira'at syazzah*, contohnya:

---

<sup>27</sup> *Ibid.*, j.1, h.72.

<sup>28</sup> *Ibid.*, j.1, h. 46.

وانظر إلى العظام كيف ننشزها دان ليهة اوليهمو كفد تولغ حمار اغكو ايت  
بتاف كامى هيدوفكندي ...<sup>29</sup>

## PENUTUP

Kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* ini merupakan kitab tafsir versi bahasa Melayu tulisan Jawi yang telah memberi banyak manfaat kepada umat Islam di Tanah Melayu. Kandungan tafsirnya amat bersesuaian dengan situasi dan keperluan masyarakat pada ketika itu dan ia merupakan satu usaha murni daripada Almarhum Ustaz Muhammad Sa'id bin Umar yang telah diwariskannya kepada kita sehingga ke hari ini. Adalah amat baik sekiranya kitab tafsir ini diterbitkan dalam versi baru yang diedit dengan meletakkan tanda baca, ditaip dengan tulisan yang kemas dan disusun dengan lebih menarik memandangkan ia mengandungi banyak manfaat dan kelebihan kepada umat Islam. Bahkan ia turut tergolong sebagai kitab tafsir al-Quran klasik hasil karangan ulama' Melayu yang dikenali dan dikagumi di rantau Nusantara ini.

---

<sup>29</sup> *Ibid.*, j.1, h.90.

## RUJUKAN

- Mohd Nazimi Zaim bin Ismail. 2010. *Kajian Takhrij Hadith Dalam Tafsir Nur al-Ihsan*. (Disertasi M.A., Universiti Sains Malaysia).
- Muhammad Hamza. 2005. *Metodologi Muhammad Sa'id bin Umar Dalam Tafsir al-Quran: Kajian Terhadap Tafsir Nur al-Ihsan*. (Disertasi M.A., Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Muhammad Ismi bin Mat Taib. 2003. "*Israiliyyat Dalam Tafsir: Kajian Terhadap Kitab Tafsir Nur al-Ihsan Karya Haji Muhammad Said bin Umar*" (Disertasi M.A., Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Muhammad Sa'id bin Umar. 1971. *Tafsir Nur al-Ihsan*, j.1. Pulau Pinang: Maktabah wa Matba'ah Dar al-Ma'arif.
- Muhammad Sa'id bin Umar. 1971. *Tafsir Nur al-Ihsan*, j.4. Bangkok: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa Awladuh.
- Najihah Mat Yusof. 1991. *Sumbangan Tuan Haji Muhammad Sa'id bin Umar Kepada Ilmu Tafsir al-Quran: Tumpuan Terhadap Kitab Nur al-Ihsan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Norhasnira binti Ibrahim. 2009. "*Hadith Dalam Kitab Jawi: Tumpuan Terhadap Kitab Minhah al-Qarib Karangan Tuan Tabal*" (Disertasi M.A., Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. 2000. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, j.1, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

- “Muhammad Sa’id Umar Kedah” capaian pada 12 September 2013, <http://ulama.blogspot.com/muhammad-said-umar-kedah.html>.
- “Tuan Haji Muhammad Said Umar: Tokoh *Mufassir* Tanah Melayu”, capaian pada 10 September, 2013, <http://www.wordpress.com>.

**Mohd Fauzi Mohd Amin\***

## **HADITH SEBAGAI SUMBER HUKUM DAN SYARIAT ISLAM**

### **Abstract**

Al-Quran and Sunnah are the most important references and main sources of Islamic jurisprudence, followed after the two are al-ijma', al-qiyas, al-Istihsan and al-Masalih al-mursalah. This article explains the position of the Hadith as a source of law based on the argument of Al-Quran, Hadith, Ijmak and Intellect. There are many verses in the Quran which explains the Hadith is the second source of law in Islam after the Qur'an. As example in Surah al-Nahl 16 verses 64, indicating the responsibilities and roles of the Prophet are to explain the truth and guides to the guidance if there are ambiguity and vagueness in matters into disputes among Muslims. Similarly in Surah Ali Imran 3: verses 179, Surah Al-A'raf 7: verse 158, Surah Surah al-Nisa '4: verse 59, describes the balance of obedience to God with obedience to the Prophet Muhammad in order to receive mercy and achieve success. Allah SWT said in Surah al-Hashr 59: 7, which describes all the commands and prohibition includes all the decisions that has been set by the Prophet whether instruction, prohibition or authorization in the form of words, deeds and silent (still agree) are the sources of reference in Islam. There are also verses that prohibit Muslims from disobeying Allah and His Messenger. There are also Quranic verses shows that Allah threatens and insult those who betray the commandments of God and His Messenger and even deny violate the Prophet can bring

---

\* Prof. Madya di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

disbelief. Thus, some verses of the Quran commands Muslims to hold tight to the al-Quran. Besides that, there are many hadiths as proofs and arguments to prove that al-Sunnah (Hadith) is the second source of legislation after the al-Quran and commanding Muslims to obey to Hadith. Among the words of the Prophet SAW: Means "I have left two matters with you. As long as you hold to them, you will not be astrayed. They are the Book of Allah and the Sunnah of His Prophet." This article also describes the functions of the hadith to support and strengthen the law as it is in the Quran, as the explanation and interpreter of the verses of the Quran in various ways because the Prophet knows more about the meaning and the purpose of the verses of the Quran, as a cause or determine a law that is not in the Quran, as a source for knowing and recognizing *nasakh* (نسخ) and *mansukh* (منسوخ), as toughen the laws that's mentioned in al-Quran and as specialize of the general law in the Quran.

*Keywords: Hadith, Sources, Islamic Jurisprudence, al-Ijma', al-Qiyas, al-Istihsan, al Masalih al-Mursalah.*

## **PENDAHULUAN**

Al-Quran dan Sunnah merupakan sumber rujukan yang terpenting dan utama dalam perundangan Islam, dituruti pula selepas keduanya:

*al-Ijma'* (الاجماع)

*al-Qiyas* (القياس)

*al-Istihsan* (الإستحسان)

*al-Masalih al-Mursalah* (المصالح المرسله).

## **KEDUDUKAN HADITH SEBAGAI SUMBER HUKUM**

Kedudukan hadith sebagai sumber hukum dalam Islam dan kewajiban berpegang teguh dengan hadith Rasulullah SAW adalah berdasarkan kepada dalil Al-Quran, Hadith, Ijmak dan Akal.



### a) Dalil dari al-Quran

Terdapat banyak ayat al-Quran yang menjelaskan bahawa hadith merupakan sumber hukum dalam Islam selepas al-Quran. Rasulullah SAW berperanan sebagai penjelas, pentafsir dan penerang kepada al-Quran. Sebagaimana firman Allah SWT.

﴿وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ إِلَّا لِتُبَيِّنَ لَهُمُ الَّذِي اخْتَلَفُوا فِيهِ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ﴾

Maksudnya: *Dan tidaklah Kami menurunkan al-Quran kepadamu (wahai Muhammad) melainkan supaya engkau menerangkan kepada mereka akan apa yang mereka berselisihan padanya dan supaya menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang-orang beriman.* (Surah al-Nahl 16:64)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa tugas dan peranan Rasulullah SAW adalah menerangkan kebenaran dan memimpin kepada hidayah jika berlaku kekaburan dan kesamaran di dalam perkara yang menjadi peselisihan umat Islam. Sebab itulah kenapa al-Quran dan Hadith tidak boleh dipisahkan kerana setiap perkara yang disebut secara ringkas dan umum oleh al-Quran akan dihuraikan dan dijelaskan oleh hadith.

Dalam hal itu, Rasulullah SAW telah bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِيَّيْ قَدْ تَرَكْتُ فِيكُمْ شَيْئَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا بَعْدَهُمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّتِي<sup>30</sup>

Maksudnya:- *Aku tinggalkan kepadamu dua perkara nescaya kamu tidak akan sesat, iaitu Kitab Allah (al-Quran dan Sunnahku (hadith-hadithku).*

<sup>30</sup> Al-Hakim. *Al-Mustadrak. Kitab al-ilmi.*

Dari sudut keimanan, di antara syarat-syarat keimanan terhadap kerasulan Muhammad SAW ialah wajib menerima semua perkara yang dibawa oleh Rasulullah SAW dalam urusan agama. Firman Allah SWT:

﴿وَقَالَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا لَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا عَبَدْنَا مِنْ دُونِهِ مِنْ شَيْءٍ نَحْنُ وَلَا آبَاؤُنَا وَلَا حَرَمْنَا مِنْ دُونِهِ مِنْ شَيْءٍ كَذَلِكَ فَعَلَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَهَلْ عَلَى الرُّسُلِ إِلَّا الْبَلْغُ الْمُبِينُ﴾

Terjemahan: *Dan berkatalah orang-orang kafir musyrik: Kalaulah Allah menghendaki, tentulah kami tidak menyembah selain daripadanya sesuatupun, (tidak) kami dan tidak juga datuk nenek kami dan tentulah kami tidak mengharamkan sesuatu pun dengan ketiadaan perintahnya. Demikianlah juga yang telah dilakukan oleh orang-orang yang terdahulu daripada mereka. (Apa yang mereka katakan itu adalah salah semata-mata) kerana bukannya Rasul-rasul semuanya tidak bertanggungjawab selain daripada menyampaikan (kehendak dan hukum Allah) dengan cara yang jelas nyata? (Surah al-Nahl 16:35)*

Banyak ayat dalam al-Quran yang memerintahkan umat Islam agar beriman kepada Allah SWT dan RasulNya, mematuhi segala tunjuk ajar dan tingkah laku yang ada pada diri Rasulullah SAW. Ayat-ayat berikut menunjukkan bahawa Allah SWT menyeimbangkan keimanan kepadaNya dengan keimanan kepada RasulNya. Firman Allah SWT:

﴿مَا كَانَ اللَّهُ لِيَذَرَ الْمُؤْمِنِينَ عَلَىٰ مَا أَنْتُمْ عَلَيْهِ حَتَّىٰ يَمِيزَ الْخَبِيثَ مِنَ الطَّيِّبِ ۗ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُطْلِعَكُمْ عَلَى الْغَيْبِ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَجْتَبِيٰ مِنْ رُسُلِهِ مَن يَشَاءُ ۗ فَعَامِنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ۚ وَإِن تُؤْمِنُوا وَتَتَّقُوا فَلَكُمْ أَجْرٌ عَظِيمٌ﴾

Terjemahan: Allah tidak sekali-kali akan membiarkan orang-orang yang beriman dalam keadaan yang kamu ada sekarang (bercampur aduk mukmin dan munafik, bahkan Dia tetap menguji kamu) sehingga Dia memisahkan yang buruk (munafik) daripada yang baik (beriman) dan Allah tidak sekali-kali akan memperlihatkan kepada kamu perkara-perkara yang ghaib akan tetapi Allah memilih dari RasulNya sesiapa yang dikehendakiNya (untuk memperlihatkan kepadanya perkara-perkara yang Ghaib itu). Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-rasulNya dan jika kamu beriman dan bertakwa, maka kamu akan beroleh pahala yang besar. (Surah ali-'Imran 3:179)

FirmanNya lagi dalam Surah al-A'raf:

﴿قُلْ يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي ۖ وَيُمِيتُ ۗ فَعَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ۗ النَّبِيُّ الْأُمِّيُّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ ۗ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ﴾

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (di utus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimahNya (Kitab-kitabNya) dan

ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayat petunjuk. (Surah Al-A'raf 7:158)

Terdapat beberapa ayat yang menjelaskan tentang keseimbangan ketaatan kepada Allah dengan ketaatan kepada Rasulullah SAW supaya beroleh rahmat dan mencapai kejayaan. Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُوَلِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ ۖ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا﴾

Terjemahan: "*Wahai orang yang beriman hendaklah kamu taat setia kepada Allah dan taat kepada RasulNya dan perintah dari kalangan kamu yang beriman. Jika kamu bersalahan pendapat tentang sesuatu perkara, hendaklah kamu kembalikannya kepada Allah dan RasulNya jika benar-benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat*". (Surah al-Nisa' 4:59)

Dalam ayat di atas, orang-orang Islam diperintahkan supaya merujuk segala perselisihan dan pertentangan di antara mereka kepada Allah SWT dan juga RasulNya. Apa yang dimaksudkan dengan kembali kepada Allah ialah merujuk al-Quran dan apa yang dimaksudkan dengan kembali kepada RasulNya ialah merujuk kepada hadith.

Allah menegaskan lagi di dalam ayat yang lain, FirmanNya:

﴿مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ  
 وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ  
 وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ  
 شَدِيدُ الْعِقَابِ﴾

Terjemahan: *Dan apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW hendaklah kamu terima dan apa yang ditegah oleh Rasulullah SAW hendaklah kamu jauh.* (Surah al-Hasyr 59:7)

Segala suruhan dan tegahan seperti yang terdapat di dalam ayat di atas termasuklah segala keputusan yang telah ditetapkan oleh Rasulullah SAW sama ada suruhan, larangan atau keizinan dalam bentuk perkataan, perbuatan dan diam setuju (*Iqrar*).

Terdapat juga ayat yang menegah orang Islam berpaling daripada mentaati Allah dan RasulNya. Firman Allah SWT.

﴿لَا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُمْ بَعْضًا قَدْ يَعْلَمُ اللَّهُ  
 الَّذِينَ يَتَسَلَّلُونَ مِنْكُمْ لِوَاذًا فَلِيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ  
 تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ﴾

Terjemahan: *Janganlah kamu jadikan seruan atau panggilan Rasulullah di antara kamu seperti seruan atau panggilan sesama kamu; sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang di antara kamu yang menarik diri keluar (dari majlis Nabi) secara berselindung dan bersembunyi. Oleh itu, hendaklah mereka yang mengingkari perintahnya, beringat serta berjaga-jaga jangan*

*mereka ditimpa bala bencana atau ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Surah al-Nur 24:63)*

FirmanNya lagi:

﴿قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ ۖ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْكَافِرِينَ﴾

Terjemahan: *Katakanlah wahai Muhammad: “Taatlah kamu akan Allah dan Rasul-Nya jika kamu berpaling daripada mentaati Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang kafir”. (Surah Ali-Imran 3:32)*

Kedua-dua ayat di atas menunjukkan bahawa Allah mengancam dan mencela orang yang tidak mematuhi perintah Allah dan Rasul-Nya malah mengingkari dan menyalahi Rasulullah SAW boleh membawa kekufuran.

Al-Quran telah menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah dianugerahkan oleh Allah SWT *al-Kitab* dan *al-Hikmah* sebagai petunjuk dan panduan kepada Baginda dan umat Islam seluruhnya. Firman Allah SWT:

﴿لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ

ءَايَاتِهِ ۖ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي

ضَلَالٍ مُّبِينٍ﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmat) kepada orang-orang yang beriman setelah ia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul daripada bangsa mereka sendiri yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan al-Quran yang membuktikan kekuasaan Allah dan kekuasaanNya) dan membersihkan mereka (daripada iktiqad yang sesat) serta mengajar mereka kitab Allah (al-Quran) dan*

*hikmah dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad SAW) itu adalah dalam kesesatan yang nyata. (Surah Ail-Imran 3:164)*

Dalam ayat lain Allah berfirman:

﴿وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكَ وَرَحْمَتُهُ لَهَمَّتْ طَائِفَةٌ مِّنْهُمْ أَنْ يُضِلُّوكَ وَمَا يُضِلُّونَ إِلَّا أَنْفُسَهُمْ ۗ وَمَا يَضُرُّونَكَ مِنْ شَيْءٍ ۚ وَأَنْزَلَ اللَّهُ عَلَيْكَ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَعَلَّمَكَ مَا لَمْ تَكُن تَعْلَمُ ۚ وَكَانَ فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكَ عَظِيمًا﴾

Terjemahan: *Dan Allah telah menurunkan kepada kamu al-Kitab dan al-Hikmah dan telah mengajar kepadamu apa yang kamu belum mengetahui. (Surah al-Nisa' 4:113)*

Menurut Imam al-Syafi'i pengasas Mazhab Syafi'e seorang ulama Fiqh dan Hadith, dan Fakhr al-Din al-Razi seorang ulama tafsir, hadith dan ilmu kalam, yang dimaksudkan dengan *al-Hikmah* di dalam ayat-ayat di atas ialah Sunnah Rasulullah SAW.

Apabila sabit perkataan *al-Hikmah* tersebut ialah al-Sunnah, maka orang Islam wajib berpegang dengannya kerana al-Sunnah merupakan sesuatu yang diturunkan oleh Allah SWT.

Demikianlah sebahagian ayat-ayat al-Quran yang menyuruh orang Islam supaya berpegang teguh dengan sunnah Rasulullah SAW.

## **b) Dalil-dalil daripada hadith**

Terdapat banyak hadith yang menjadi dalil dan hujah membuktikan bahawa al-Sunnah atau hadith merupakan sumber

perundangan yang kedua selepas al-Quran dan menyuruh umat Islam mematuhi hadith.

Antaranya sabda Rasulullah SAW: Bermaksud: *Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selagi kamu berpegang dengan kedua-duanya iaitu kitab Allah (al-Quran) dan sunnahku*<sup>31</sup>.

Sabda Rasulullah SAW lagi: Bermaksud: *...hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah al-Khulafa al-Rasyidin yang menjadi petunjuk selepasku, kamu hendaklah berpegang teguh dengan sunnah itu...*<sup>32</sup>.

Berasaskan kepada hadith-hadith di atas dapatlah disimpulkan bahawa Nabi Muhammad SAW telah menyuruh orang Islam supaya berpegang teguh dengan sunnahnya dan sunnah Khulafa al-Rasyidin yang menjadi petunjuk selepas kewafatan Baginda SAW selain berpegang dengan al-Quran al-Karim.

Terdapat sebuah hadith yang menunjukkan sunnah menjadi sumber kedua dalam perundangan Islam iaitu dalam kes Muaz bin Jabal (M 8H) sahabat yang diutus oleh Rasulullah SAW menjadi qadi ke Yaman. Nabi Muhammad SAW telah bertanya kepada beliau:

Bermaksud: *Bagaimana kamu akan menghukum jika dikemukakan kepada kamu sesuatu masalah? Muaz menjawab: "Aku akan menghukum dengan (apa yang ada dalam) al-Quran". Nabi bertanya lagi: "Jika tidak ada dalam al-Quran? Muaz menjawab: "Aku akan menghukum dengan sunnah Rasulullah". Jika tidak ada dalam sunnah Rasulullah? Muaz menjawab: "Aku akan berijtihad dengan fikiranku sendiri". Seterusnya Nabi bersabda: "Segala puji bagi Allah yang*

---

<sup>31</sup> Baihaqi. *Sunan Kubra. Kitab Ilmi. Bab Maudi' al-Musyawah.*

<sup>32</sup> Ibn Majah. *Sunan Ibn Majah. Bab Itba' sunnah al-Khulafa' al-Rasyidin al-Mahdiyyin.*



*menyamakan antara pendapat utusannya dengan utusan Allah*”<sup>33</sup>.

Dalam hadith di atas, Muaz bin Jabal menyatakan bahawa beliau akan menghukum sesuatu masalah yang timbul dengan al-Quran kemudian dengan Sunnah (hadith) dan akan menghukum dengan ijtihadnya jika tidak mendapati hukum daripada al-Quran dan hadith.

Daripada kes di atas jelaslah bahawa hadith itu menjadi sumber kedua selepas al-Quran dalam perundangan Islam.

### **c) Dalil-dalil dari Ijma’**

Semua sahabat Rasulullah SAW telah menjadikan hadith sebagai sumber dan sandaran hukum syara’ sama ada semasa hayat Baginda SAW atau selepas kewafatannya.

Apabila Saiyidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. dilantik menjadi khalifah Islam yang pertama, beliau telah didatangi oleh Fatimah binti Rasulullah SAW lalu bertanya tentang bahagian yang diberikan kepada Rasulullah SAW. Abu Bakar al-Siddiq menjawab:

Bermaksud: *Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Besar telah memberi makan suatu makanan kepada seseorang Nabi kemudian Nabi itu wafat, maka makanan itu akan diserahkan kepada orang yang mengganti selepasnya. Menurut pandanganku, aku akan serahkan makanan itu kepada orang-orang Islam”. Jawab Fatimah: “Engkau dan apa yang engkau dengar daripada Rasulullah SAW adalah lebih baik lagi”.*(Ahmad bin Hanbal)

Penjelasan di atas menunjukkan kefahaman Abu Bakar al-Siddiq terhadap sunnah Rasulullah SAW dan sunnah itu diamalkan oleh beliau. Seterusnya dalam amalan Abu Bakar al-

---

<sup>33</sup> Al-Darimi. *Sunan al-Darimi. Bab al-Fitya wa ma fihi min al-Syiddah.*

Siddiq r.a. apabila beliau tidak menemui hukum sesuatu masalah sama ada di dalam hafalan, beliau akan bertanya kepada kaum muslimin kalau-kalau mereka mengetahui ada hadith Rasulullah SAW dalam masalah tersebut. Cara dan method yang sama juga diikuti oleh Saiyidina Umar bin al-Khattab, khalifah Islam yang kedua.

Seterusnya Saiyidina Umar pernah berkata:

Bermaksud: *Sesungguhnya aku mengetahui bahawa engkau (Hajar Aswad) adalah batu, jika aku tidak melihat orang yang aku kasihi iaitu Rasulullah SAW mengucup engkau, nescaya aku tidak mengucup engkau. Sesungguhnya Rasulullah SAW itu adalah contoh yang baik.*<sup>34</sup>

Dalam kes di atas iaitu Saiyidina Umar r.a. menunjukkan bahawa sahabat Rasulullah SAW telah bersepakat dan tidak menimbulkan sebarang keraguan untuk menerima hadith sebagai sumber ajaran dan hukum Islam sama ada semasa hayat Baginda SAW atau selepas kewafatannya. Para sahabat dalam hidup dan amalan mereka bersedia menafikan natijah dan hujah-hujah yang berasaskan kepada logik dan pemikiran dan sebaliknya tunduk kepada hadith jika logik dan pemikiran itu jelas bertentangan dengan hadith.

Semua ulama Islam (*fuqaha*) selepas golongan sahabat sependapat dalam menerima dan wajib beramal dengan hadith Rasulullah SAW yang menjadi sumber kedua dalam perundangan Islam meskipun mereka berbeza pendapat daripada sudut syarat-syarat penerimaannya.

#### **d) Dalil Aqli**

Hukum-hukum yang terkandung di dalam al-Quran keseluruhannya bersifat umum dan berbentuk hukum prinsip. Penjelasan dan penerangan lanjut daripada hadith Rasulullah

---

<sup>34</sup> Al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari. Kitab Al-Haj. Bab ma Zukira fi al-Hijr al-Aswad.*

SAW diperlukan untuk memahami dan melaksanakan hukum-hukum tersebut. Umpamanya Allah SWT telah memerintahkan kita mendirikan sembahyang, al-Quran tidak menceritakan secara terperinci tentang jumlah diwajibkan bersembahyang setiap hari, bilangan rakaat, masa dan cara sembahyang serta perkara-perkara yang wajib dan haram dilakukan semasa bersembahyang. Perintah Allah tentang kewajipan mendirikan sembahyang itu adalah berbentuk umum.

Tanpa ada penjelasan dan penerangan secara terperinci oleh hadith, sudah pasti segala kewajipan dan tuntutan syara' yang terdapat di dalam al-Quran tidak boleh dilaksanakan. Oleh itu, orang-orang Islam wajib berpegang teguh dan mengamalkan hadith-hadith Rasulullah SAW supaya hukum-hukum syara' yang terkandung dalam al-Quran boleh dilaksanakan dengan sempurna.

## **HUBUNGAN ANTARA HADITH DENGAN QURAN**

Hubungan antara hadith dengan al-Quran iaitu fungsi dan peranan hadith terhadap al-Quran

### **Fungsi Hadith Dan Hubungannya Dengan al-Quran**

Para ulama berpendapat bahawa hadith mempunyai fungsi-fungsi seperti berikut:-

Sebagai menyokong dan memperkukuhkan hukum seperti di dalam al-Quran.

Sebagai penghurai dan pentafsir ayat-ayat al-Quran dengan pelbagai cara kerana Rasulullah SAW lebih mengetahui maksud dan tujuan ayat-ayat al-Quran.

Sebagai mendatangkan atau menentukan sesuatu hukum yang tiada dalam al-Quran.

Sebagai sumber untuk mengetahui dan mengenal *nasakh* (نسخ) dan *mansukh* (منسوخ).

Sebagai mentaqyidkan hukum yang dimutlaqkan di dalam al-Quran.

Sebagai mengkhususkan hukum yang umum dalam al-Quran.

### 1 Hadith menyokong dan menguatkan (*ta'kid*) nas-nas al-Quran

Ini bererti hukum tersebut mempunyai dua sumber dalil iaitu daripada al-Quran dan disokong oleh hadith.

Hadith menguatkan nas al-Quran umpamanya perintah mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat dan sebagainya.

Seperti firman Allah SWT:

﴿وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا  
وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ  
وآتُوا الزَّكَاةَ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنتُمْ مُّعْرِضُونَ﴾

Maksudnya: *Dan dirikanlah sembahyang dan keluarkanlah zakat.* (al-Baqarah 2:83)

Telah diperkuatkan oleh hadith Rasulullah SAW:

عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: قَالَ عَبْدُ اللَّهِ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ: "بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ، شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَحَجِّ الْبَيْتِ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ" (مسلم).  
كتاب الإيمان

Maksudnya: *Islam didirikan atas lima rukun: Syahadah bahawa tiada Tuhan yang lain yang berhak disembah melainkan Allah, Nabi Muhammad SAW adalah Rasulullah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan puasa di bulan Ramadhan.*<sup>35</sup>

Hadith menguatkan al-Quran tentang hukum pengharaman memakan harta secara batil:-

Seperti firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi, batil dan sebagainya) kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka diantara kamu. (Surah al-Nisa' 4:29)*

Ayat di atas telah diperkuatkan oleh hadith Rasulullah SAW:

Bermaksud "*Tiada halal harta seseorang Muslim itu melainkan dengan keredaan dan persetujuan daripadanya. "Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Orang Islam adalah saudara bagi orang Islam".*<sup>36</sup>

Hadith menguatkan nas al-Quran umpamanya hukum persaudaraan dalam Islam.

<sup>35</sup> Muslim. *Sahih Muslim. Kitab al-Iman.*

<sup>36</sup> Al-Bukhari. *Sahih Al-Bukhari. Kitab al-Mazalim wa al-Ghadhab. Bab La Yuzlimu al-Muslim.*

Seperti firman Allah SWT:

﴿إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah itu) dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat. (Surah al-Hujarat 49:10)*

Ayat ini diperkuatkan oleh hadith:

عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَخْبَرَهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: "الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ، وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ، وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَاتٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ"

Bermaksud: *Seorang Muslim adalah saudara kepada Muslim yang lain, tidak menzaliminya dan tidak menyerahkannya ke tangan penindas. Sesiapa yang memenuhi hajat saudaranya maka Allah akan memenuhi hajatnya. Sesiapa yang membantu kesulitan seorang Muslim Allah akan membantunya pada hari kiamat dan sesiapa yang menutup aib seorang Muslim maka Allah akan menutup ai'bnya pada hari kiamat.*<sup>37</sup>

Banyak lagi contoh hadith yang terdapat di dalam kitab hadith sama ada yang berbentuk larangan ataupun suruhan, Rasulullah SAW diutuskan sebagai penerang dan pentafsir Quran Karim.

<sup>37</sup> Al-Bukhari. *Sahih Al-Bukhari, Kitab al-Mazalim wa al-Ghadhab. Bab La Yuzlimu al-Muslim.*

Firman Allah SWT:

﴿بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ  
يَتَفَكَّرُونَ﴾

Maksudnya: *Dan kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan supaya engkau menerangkan kepada manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkannya.* (Surah al-Nahl 16:44)

## 2 Al-Hadith Mentafsir dan Memperincikan hukum dalam al-Quran yang datang secara ringkas (*Mujmal*)

Terdapat beberapa nas al-Quran yang diturunkan secara mujmal yang memerlukan tafsiran daripada Hadith Nabi SAW, antaranya ialah seperti firman Allah SWT tentang ibadat sembahyang yang terdapat di dalam ayat berikut:

﴿الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ﴾

Maksudnya: *Meraka yang beriman dengan persoalan ghaib dan mereka mendirikan solat dan daripada apa yang kami rezkikan mereka menafkahkanya.* (Surah al-Baqarah 2 :3)

Ayat di atas tidak menerangkan tentang waktu-waktu yang diwajibkan sembahyang, bilangan rakaat, bacaan yang wajib dibaca, cara-cara rukuk, sujud dan sebagainya. Fungsi hadith ialah memperincikan cara solat satu persatu melalui perbuatan Rasulullah SAW.

Baginda bersabda:

صلوا كما رأيتموا ني أصلي

Maksudnya: ....hendaklah kamu mengerjakan sembahyang seperti apa yang kamu lihat aku melakukan Sembahyang<sup>38</sup>

### 3 Al-Hadith Menerangkan Ayat-ayat al-Quran yang Mutlak

Maksud mutlak ialah hukum yang disebut oleh al-Quran terlepas bebas daripada sebarang ikatan dan batasan . Kemudian mutlak di dalam al-Quran itu dibatasi atau ditentukan oleh al-Hadith. Peranan hadith ini dikenali sebagai "*Taqyid al-Mutlak*". Contohnya al-Quran telah mengharamkan bangkai dan darah secara mutlak melalui firmanNya:

﴿حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصَبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَمِ ۚ ذَٰلِكُمْ فِسْقٌ ۗ الْيَوْمَ يَبْسُ الدِّينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنَ ۗ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ۗ فَمَنِ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرَ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ ۗ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

Maksudnya: "Diharamkan ke atas kamu bangkai, darah dan daging babi". (al-Maidah 5:3)

Kemutlakan (ketetapan) pengharaman bangkai dan darah ini telah dibatasi oleh al-Hadith dengan beberapa pengecualian seperti terdapat di dalam Hadith.

<sup>38</sup> Al-Syafe'i. *Musnad Imam Syafe'i*. Kitab *Imamah*. Bab *Sallu Kama Raitumuni Usalli*.



Bermaksud: “Dihalalkan bagi kita dua jenis bangkai dan dua jenis darah, bangkai itu ialah bangkai ikan dan belalang, manakala dua jenis darah ialah darah hati dan limpa”.

Dengan adanya hadith ini, maka halal bagi kita memakan bangkai belalang dan ikan dan juga hati dan limpa kerana kemutlakan perkara tersebut telah dibatasi oleh al-Hadith tadi.

#### 4- Al-Hadith Mengkhususkan Ayat-ayat al-Quran Yang Umum

Hukum-hukum yang terdapat di dalam al-Quran pada keseluruhannya berbentuk umum, merupakan hukum dasar dan prinsip. Al-Quran tidak memperincikan hukum dan syariat yang terdapat di dalamnya.

Keumuman ayat al-Quran itu dikhususkan oleh hadith Rasulullah SAW. Dengan cara ini, dapatlah difahami maksud dan kehendak dari sifat umum al-Quran itu.

Contohnya firman Allah SWT:

﴿يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَّاتِ ۖ إِن كُن نِسَاءً فَوْقَ  
 اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ ۖ وَإِن كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ ۚ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ  
 وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِن كَانَ لَهُ وَلَدٌ ۚ فَإِن لَّمْ يَكُن لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ  
 أَبَوَاهُ فَلِلأُمِّهِ الثُّلُثُ ۚ فَإِن كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِلأُمِّهِ السُّدُسُ ۚ مِن بَعْدِ وَصِيَّةِ  
 يُوصَىٰ بِهَا أَوْ دَيْنٍ ۗ لِأَبَائِكُمْ وَلِأُمَّاتِكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُم أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا فَرِيضَةٌ  
 مِّنَ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا﴾

Terjemahan: "*Allah berpesan supaya pembahagian harta kepada anak-anak itu ialah bahagian anak lelaki itu adalah menyamai dua bahagian anak perempuan*". (Surah al-Nisa 4:11)

Hukum di dalam ayat di atas ialah setiap anak adalah berhak mewarisi harta peninggalan ibu atau bapa yang meninggal, termasuk juga para Nabi dan anak mereka, sedangkan antara mereka tidak harus menerima pusaka. Terdapat hadith yang telah mengkhususkan ayat ini bahawa yang meninggal itu bukan daripada para Nabi kerana peninggalan Nabi tidak boleh dijadikan pesaka. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda:

فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: "لَا نُورَثُ مَا تَرَكَنَا فَهُوَ صَدَقَةٌ"

Bermaksud: *Kami tidak diwarisi kerana segala peninggalan kami adalah menjadi sedekah.*

Diriwayatkan oleh al-Bukhari<sup>39</sup>

Begitu juga pengertian umum ayat tersebut juga boleh melibatkan pembunuh menerima pusaka, sedangkan ada hadith yang melarang pembunuh dari menerima harta pusaka. Seperti Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الْقَاتِلُ لَا يَرِثُ"<sup>40</sup>

Maksudnya: *Pembunuh tidak mendapat apa-apa daripada harta pesaka.*

Oleh itu dua hadith di atas adalah untuk mentakhsiskan atau mengeluarkan mereka yang tidak termasuk di dalam umum ayat itu.

<sup>39</sup> Al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab *al-Manaqib*, bab *manaqib qarabatu al-Rasul*.

<sup>40</sup> Al-Turmuzy. *Sunan Turmuzy*. Kitab *al-Faraid*. Bab *Ma Jaa Fi Ibtal Mirath al-Qaatil*

## 5 Al-Hadith Membina Sesuatu Hukum Yang Tidak Disebut oleh Al-Quran

Selain peranan hadith yang disebutkan di atas hadith juga berperanan mendatangkan hukum yang tidak disebutkan oleh al-Quran, iaitu membina hukum dan *menthabitkan* hukum-hukum yang tidak diterangkan oleh al-Quran.

Umpamanya pengharaman memakai emas dan sutera bagi lelaki, haram menikahi perempuan dengan ibu saudaranya sebelah ayah atau sebelah ibu dalam satu masa.

Dalam soal keharusan memakan daging haiwan yang ditangkap oleh haiwan pemburu yang terlatih. Sekiranya haiwan pemburu itu belum terlatih maka kita diharamkan daripada memakan haiwan hasil buruannya kerana dicurigai haiwan yang ditangkap itu untuk diri haiwan pemburu itu sendiri. Persoalan yang timbul ialah bagaimanakah jika haiwan yang terlatih itu menangkap buruan untuk dirinya sendiri berdasarkan tanda-tanda bahawa buruan itu telah dimakan olehnya. Jika berlaku demikian, hukum memakan haiwan buruan itu telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW seperti dalam sabda Baginda yang diriwayatkan oleh *Bukhari dalam kitab zabaih wa said bab iza akala al-kalbi. Muslim kitab said bab said bil kilab mualimah.* yang bermaksud:-

عَنْ عَدِيِّ بْنِ حَاتِمٍ، قَالَ: سَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: "إِذَا أُرْسِلَتْ كَلْبُكَ الْمُعَلَّمُ فَفَقْتَلَ فِكُلْ، وَإِذَا أَكَلَ فَلَا تَأْكُلْ فَإِنَّمَا أَمْسَكَهُ عَلَيَّ نَفْسِهِ، قُلْتُ: أُرْسِلُ كَلْبِي فَأَجِدُ مَعَهُ كَلْبًا آخَرَ، قَالَ: فَلَا تَأْكُلْ، فَإِنَّمَا سَمَّيْتُ عَلَيَّ كَلْبِكَ وَلَمْ تُسَمِّ عَلَيَّ كَلْبَ آخَرَ".

Maksudnya: *Daripada Abi Hatim RA:- Dan aku pernah bertanya Rasulullah SAW tentang (anjing pemburu), lalu beliau bersabda:- Apabila kamu melepaskan anjing kamu yang terlatih (dan kamu membaca dengan nama Allah) jika binatang itu mati kamu makanlah, jika anjing itu memakannya maka janganlah*

*kamu makan lagi, kerana dikhuatiri bahawa haiwan yang ditangkapnya adalah untuk dirinya sahaja. Saya bertanya lagi: Saya lepaskan anjing saya tetapi dapati bersama anjing saya itu ada anjing lain (keliru anjing yang mana menangkap binatang itu), Nabi menjawab: Janganlah kamu memakannya kerana kamu hanya membacakan nama Allah pada anjing kamu bukan kepada anjing yang satu lagi.*

Bagaimanapun sebahagian ulama berpendapat bahawa hukum yang tidak diterangkan oleh al-Quran dan hanya diterangkan oleh al-Hadith pada hakikatnya kembali kepada al-Quran jua, kerana tidak ada hukum yang berdiri sendiri.

#### **6- Hadith adalah Sumber Untuk Mengetahui *Nasakh* (نسخ) dan *Mansukh* (منسوخ)**

Para ulama bersepakat pendapat tentang harusnya *nasakh* al-Quran dengan al-Quran. Begitu juga *nasakh* hadith dengan hadith jika ia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti hadith mutawatir mestilah dimansuhkan oleh hadith mutawatir juga.

Menurut Imam al-Syafi'i, al-Quran dimansuhkan oleh al-Quran, bukan hadith kerana hadith tidak setaraf dengan al-Quran. Hadith hanya berperanan sebagai penerang dan penjelas sesuatu ayat yang telah dimansuhkan oleh ayat yang lain. Dengan itu hadith berperanan sebagai mensabitkan nasakh dan mansukh.

Pendapat Imam al-Syafi'i ini berdasarkan hujah bahwa al-Quran lebih kuat dan kukuh daripada hadith. Sedangkan nasakh al-Quran hanya boleh berlaku jika yang memasukkan itu lebih baik atau sekurang-kurangnya setaraf dengan ayat yang dimansuhkan.

Dua persoalan yang timbul ialah bolehkah al-Quran memansuhkan hadith dan hadith memansuhkan al-Quran. Dalam persoalan al-Quran memansuhkan hadith, kebanyakan ulama mengatakan perkara itu harus. Umpamanya sembahyang

mengadap ke arah Baitulmaqdis dinasakhhkan dengan menghadap ke arah Ka'abah. Orang Islam dan Nabi Muhammad SAW pada awal-awal tahun hijrah menghadap ke arah Baitulmaqdis dalam sembahyang mereka, dan tidak ada satu pun dalam al-Quran yang menerangkan hal ini. Selepas itu arah kiblat semasa sembahyang dinasakhhkan dengan firman Allah SWT:

﴿قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ  
شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ۚ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ ۚ وَإِنَّ  
الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ ۗ وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا  
يَعْمَلُونَ﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Kami (sering) melihat mukamu menghadap ke langit, maka sesungguhnya Kami akan memalingkan kamu ke Kiblat yang kami sukai. Palingkanlah mukamu ke Masjid al-Haram.* (Surah al-Baqarah 2:144)

Sementara dalam persoalan sunnah atau hadith menasakhhkan al-Quran kebanyakan ulama berpendapat perkara itu tidak mungkin, sama ada hadith itu *Mutawatir*, *Masyhur* atau *Ahad*. Namun ulama dan mazhab Hanafi, Imam Malik, Jumhur ulama kalam berpendapat al-Quran boleh dinasakhhkan oleh hadith sama ada hadith *Mutawatir* golongan *Asya'irah* dan *Mu'tazilah* atau hadith *Masyhur*, tetapi tidak dengan hadith *Ahad*.

Contohnya sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Majah kitab *wasaya*.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: إِنِّي لَتَحْتَ نَاقَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسِيلُ عَلَيَّ لِعَابُهَا فَسَمِعْتُهُ يَقُولُ: "إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَعْطَى كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ، أَلَا لَأَوْصِيَّةٌ لِرِوَاثٍ"<sup>41</sup>

Maksudnya: *Tiada wasiat untuk yang menerima pusaka iaitu sebuah Hadith Masyhur atau Mutawatir seperti yang didakwa oleh al-Imam al-Syafi'e.*

Hadith ini memansuhkan ayat Quran berikut:

﴿كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةَ لِلْوَالِدَيْنِ  
وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ﴾

Maksudnya: *Diwajibkan atas kamu, apabila seorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, berwasiatlah untuk ibu bapa dan kaum kerabatnya secara makruf. (Ini adalah kewajiban orang-orang yang bertaqwa).*

(Surah al-Baqarah 2:180)

Ayat ini menerangkan seseorang yang mempunyai harta dan hampir kepada kematian, ia wajib meninggalkan harta pusaka secara wasiat kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat tanpa melihat sama ada mereka itu golongan yang berhak menerima harta pusaka melalui Faraid ataupun tidak.

Hukum wajib meninggalkan wasiat kepada kedua ibu bapa dan mereka yang berhak menerima harta pusaka secara faraid adalah *dimansuhkan* dengan datangny hadith.

<sup>41</sup> Ibn Majah. Kitab *Wasiyyah. Bab la Wasiyyah li Warith.*

Golongan yang tidak mengharuskan hadith *menasakhkan* al-Quran termasuklah Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad bin Hanbal dan kebanyakan ahli *al-Zahir*. Mereka berhujah dengan beberapa ayat al-Quran antaranya ialah firman Allah SWT:

﴿بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ﴾

Terjemahan: *Dan kami pula yang menurunkan kepada mu (wahai Muhammad) kitab suci al-Quran yang memberi peringatan supaya engkau menerangkan kepada manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkannya.* (Surah al-Nahl 16:44)

Menurut mereka ayat ini menunjukkan tugas Hadith ialah menerangkan al-Quran dan bukan *menasakhkannya*. Sekiranya hadith *menasakhkan* al-Quran, sudah tentu akan terkeluar daripada fungsi asalnya iaitu menerangkan al-Quran, bukannya sebagai *menasakhkan* al-Quran.

## Kesimpulan

Hadis merupakan sumber hukum dalam syariat Islam selepas al-Quran, ini berdasarkan banyak dalil daripada al-Quran, hadis, ijma' ulama dan dalil akli. Antara dalil al-Quran ialah dari surah *al-Nahli* ayat 64 dan ayat 35, surah *Ali-Imran* ayat 178, surah *al-A'raf* ayat 158, surah *al-Nisa'* ayat 59, surah *al-Hasyr* ayat 7, surah *al-Nur* ayat 63, surah *Ali-I'mran* ayat 32 dan ayat 164, ini adalah sejumlah ayat al-Quran yang memerintahkan umat Islam supaya berpegang teguh dengan sunnah Rasulullah SAW. Begitu juga terdapat banyak hadis Rasulullah yang menyuruh umat Islam berpegang kepada sunnah Rasulullah SAW seperti hadis yang penulis bawakan sebagai contoh diriwayatkan oleh al-Bukharai, Ibn Majah, al-Baihaqi dan al-Darimi.

Secara logiknya umat Islam sangat memerlukan hadis kerana hadis merupakan penjelasan dan penerangan lanjut untuk memahami dan melaksanakan hukum-hukum syara'. Umpamanya mendirikan sembahyang, al-Quran tidak menceritakan secara terperinci tentang jumlah diwajibkan bersembahyang setiap hari, bilangan rakaat, masa dan cara sembahyang serta perkara-perkara yang wajib dan haram dilakukan semasa bersembahyang. Perintah Allah dalam al-Quran tentang kewajipan mendirikan sembahyang itu adalah berbentuk umum.

Artikel ini juga menerangkan fungsi hadis dan hubungannya dengan al-Quran. Para ulama telah menetapkan bahawa hadith mempunyai fungsi-fungsinya iaitu sebagai menyokong dan memperkukuhkan hukum yang terdapat di dalam al-Quran, sebagai penghurai dan pentafsir ayat-ayat al-Quran dengan pelbagai cara kerana Rasulullah SAW lebih mengetahui maksud dan tujuan ayat-ayat al-Quran, sebagai mendatangkan atau menentukan sesuatu hukum yang tiada dalam al-Quran, sebagai sumber untuk mengetahui dan mengenal *nasakh* dan *mansukh*, sebagai *menta'qidkan* hukum yang *dimutlaqkan* di dalam al-Quran dan sebagai mengkhususkan hukum yang umum dalam al-Quran.



## Rujukan

- Al-Quran
- Bukhari. 1307. *Sahih al-Bukhari*. al-Halabi. Kaherah.
- Hakim, Abu Abdullah Bin Muhamad al-Naisaburi. T.T. *Ma'rifah Ulum al-Hadith*. Maktabah al-Mutanabbi Kaherah.
- Al-Suyuti. Jalaluddin al-Suyuti.1966. *Tadrib al-Rawi Syarh Taqrib al-Nawawi*. Dar al-Kutub al-Hadithah, Kaherah.
- Al-Nawawi, Mahyuddin Bin Syarf al-Nawawi.1985. *al-Taqrib wa al-Taisir Li Ma'rifat Sunan al-Basyar*. Dar al-Kitab Bairut.
- Ibn Hajar, Muhammad Bin Ali bin Hajar. 1400H. *Fathu al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. al-Salafiah Kaherah.
- Al-Nawawi. Muhyi al-Din bin Syarf al-Nawawi.1985. *al-Taqrib wa al-Taysir li Ma'rifah Sunan al-Basyir al-Nadhir*. Dar al-Kitab. Bairut.
- al-Khatib, Muhammad Ajjaj al-Khatib.1981. *Usul al-Hadith U'lumihi wa Mustalahihi*. Dar al-Fikr. Bairut.
- al-Bahansawi. SalimAli.1992. *Al-Sunnah al-Muftara Alaiha*. Dar al-Wafa, Mansura.
- Al-Khumaisi. Abdul Rahman Bin Ibrahim. 2000. *Mu'jam Ulum al-Hadis al-Nabawi*. Dar Andalus.
- al-Halawi. Muhammad Abdul Aziz. *Al-Nafis Fi Al-Tamyiz baina Al-Sahih wa Daif wa Syarh Mustalah Al-Hadis*. Maktabah Iktisam.

- Al-Qardhawi. Yusuf. *Al-Madkhal Lidirasah Al-Sunnah Al-Nabawiah*. Maktabah Wahbah, Kaherah.
- Nuruddin Abi Al-Hasan Al-Samhudi. 1976. *Al-Ghummaz Ala Lummaz Fi Al-Maudhuat Al-Masyhurat*. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah. Bairut.